

NO. SOALAN: 134

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI LIOW TIONG LAI [BENTONG]

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6832

SOALAN:

Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan Permastautin Tetap yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian bagi tempoh lima tahun yang lalu. Adakah keutamaan diberikan kepada pemohon daripada mereka yang telah berkahwin dengan rakyat Malaysia dan apakah statistiknya mengikut kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum seseorang warganegara asing memperoleh status Pemastautin Tetap (*Permanent Resident - PR*), mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (*Entry Permit*) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Seksyen 10 Akta Imigresen 1959/63.

Seseorang warga asing yang telah dikeluarkan dengan Permit Masuk adalah layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap bagi membolehkan mereka dikeluarkan Kad Pengenalan Merah atau MyPR oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Kementerian akan menimbang setiap permohonan berdasarkan merit setiap kes seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang dan dasar semasa kerajaan.

Dari tahun 2009 hingga 2013 sejumlah 8070 rayuan Permit Masuk telah diterima oleh Kementerian. Dalam tempoh tersebut, sejumlah 1989 rayuan Permit Masuk telah diluluskan (jumlah yang diluluskan adalah termasuk permohonan yang diterima sebelum tahun 2009).

Jumlah rayuan Permit Masuk yang diluluskan oleh Kementerian mengikut 5 negara asal tertinggi adalah seperti berikut:-

NEGARA	JUMLAH KELULUSAN
Indonesia	401
India	300
Thailand	183
Singapura	172
Pakistan	120
JUMLAH	1,176